

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Situasi semasa COVID-19 bolehkan kempen PRU15

Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disyorkan tidak mengenakan sekatan terhadap aktiviti pilihan raya menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya juga sudah mengemukakan pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai prosedur operasi standard (SOP) membabitkan hari mengundi SPR supaya proses pengundian dapat dijalankan dengan selamat.

Beliau berkata, syor dikeseluruhan KKM itu, termasuk membabitkan kebenaran mengadakan ceramah parti politik secara besar-besaran.

"Namun, orang ramai digalakkan memakai pelitup muka untuk keselamatan diri, terutama ketika pilihan raya atau hadir program pilihan raya seperti ceramah politik yang membabitkan ramai orang di kawasan tertutup dan sesak," katanya pada sidang media perkembangan COVID-19, di sini semalam.

Sementara itu, Khairy berkata, KKM menyarankan semua parti politik dan calon bertanding untuk menunjukkan teladan yang baik dengan memakai pelitup muka apabila menziarahi penduduk terutama pesakit terlanjar dan warga emas, di kawasan tertutup.

Beliau berkata, sudah menjadi kebiasaan kempen pilihan raya akan menyertakan lawatan rumah ke rumah.

"Apabila masuk ke kawasan sesak, pakai pelitup muka. Kalau kita adakan ceramah di dalam satu dewan dan dewan sudah penuh, parti politik dan penganjur digalakkan membuat pengumuman untuk hadirin memakai pelitup muka.

"Ini adalah langkah yang perlu diulangi dan dilaksanakan. Kita mahu pilihan raya dijalankan tanpa banyak sekatan, tetapi pada masa sama kita galakkan supaya mengguna pakai nasihat yang memang sudah wujud daripada KKM," katanya.



Orang ramai digalakkan memakai pelitup muka untuk keselamatan diri ketika pilihan raya.
(Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Negara dilanda gelombang kecil subvarian XBB

KKM jangka kes meningkat dalam tempoh beberapa minggu lagi

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzi@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia kini sedang berdepan dengan gelombang kecil XBB, subvarian kepada varian Omicron yang dijangka menyebabkan peningkatan jangkitan antara 3,000 hingga 5,000 kes COVID-19 sehari dalam beberapa minggu akan datang.

Sehingga ini Kementerian Kesihatan mengesan empat kes jangkitan subvarian berkenaan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata Kementerian tidak pasti sama ada gelombang kecil itu akan berubah menjadi besar, namun ia bergantung kepada tingkah laku masyarakat.

Katanya, model jangkaan (predictive model) yang digunakan

Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan peningkatan kes harian antara 3,000 hingga 5,000 dalam beberapa minggu mendatang.

Justeru, beliau meminta orang ramai berhati-hati dan berwaspada terutama apabila negara akan memasuki kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mulai Sabtu ini.

"Ia akan membabitkan banyak majlis dihadiri orang ramai. Saya buat keputusan untuk adakan sidang media hari ini (semalam) walaupun lama kita tidak beri kemas kini kes tetapi memandangkan kepada kenaikan kes, Kementerian ingin mengingatkan kita masih dalam fasa peralihan.

"Gelombang ini akan datang dan pergi. Kes akan pasang dan surut. Perkara ini sudah kita maklum awal lagi, malangnya ia serentak dengan PRU15," katanya pada sidang media mengenai perkembangan jangkitan COVID-19, semalam.

Beliau berkata, KKM berpandangan trend jangkitan ketika ini didorong oleh subvarian XBB, yang menjadi punca kepada gelombang di Singapura baru-baru ini.

Khairy berkata, empat kes yang dikesan di negara ini pula adalah penularan tempatan membabitkan tiga pesakit lelaki dan seorang pesakit wanita, berusia antara 25 hingga 51 tahun, dilaporkan di Selangor dan Negeri Sembilan.

Katanya, pesakit hanya mengalami gejala ringan, selain seorang daripada mereka mengalami jangkitan semula.

Beliau berkata, keempat-empat kes berkenaan dikesan hasil penjujukan genom yang dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) terhadap ujian RT-PCR yang dijalankan.

Berikutan itu, beliau sudah meminta penjujukan genom terus dilaksanakan, namun ketika ini tidak ramal yang menjalani ujian RT-PCR termasuk bagi mereka yang masuk ke negara ini melalui pintu masuk antarabangsa.

"Kebanyakan kita kini menggunakan ujian jenis RTK-Ag. Sebab itu kita ada cadangan strategi yang sudah dibincangkan dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk meningkatkan lagi ujian RT-PCR yang boleh dihantar ke IMR bagi pelaksanaan penjujukan genom

Gelombang ini akan datang dan pergi. Kes akan pasang dan surut. Perkara ini sudah kita maklum awal lagi, malangnya ia serentak dengan PRU15

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



untuk kita dapati profil subvarian yang sedang merebak di Malaysia.

"Tetapi berdasarkan kepada sempadan kita yang terbuka dengan Singapura serta pergerakan manusia dari kedua-dua negara setiap hari, kita mengandaikan bahawa trend peningkatan jangkitan ini juga didorong oleh kes XBB," katanya.

Selain memakai pelitup muka, Khairy juga menggalakkan orang ramai untuk terus melaksanakan langkah uji, lapor, maklum, asing dan dapatkan rawatan (TRIIS) serta melaporkan setiap ujian COVID-19 yang dijalani bagi membolehkan KKM mengetahui kadar positifiti sebenar.

Beliau berkata, individu yang positif perlu bertanggungjawab dengan menjalani isolasi di rumah dan hanya keluar selepas keputusan ujian kembali negatif serta mendapatkan ubat Paxlovid bagi mengelakkan gejala yang dialami semakin serius.

Pakai pelitup muka

Pada masa sama, Khairy berkata, mereka yang terbabit dalam kempen PRU15 diminta memakai pelitup muka ketika kempen terutama dari rumah ke rumah atau melawat orang sakit serta warga emas.

"Apabila masuk ke kawasan yang sesak, pakai pelitup muka.

Kalau kita adakan ceramah di dalam satu dewan dan dewan sudah penuh, parti politik dan pengatur digalakkan membuat pengumuman untuk hadirin memakai pelitup muka.

"Ini adalah langkah yang perlu diulangi dan dilaksanakan. Kita mahu pilihan raya dijalankan dengan tidak ada terlalu banyak sekatan tetapi pada masa sama kita galakkan gunalah nasihat yang memang sudah wujud dari KKM (mengenai pencegahan penularan COVID-19)," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, pandangan KKM mengenai prosedur operasi standard (SOP) membabitkan hari mengundi sudah dihantar kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya proses pengundian dapat dijalankan dengan selamat.

Beliau berkata, calon dan pengundi yang disahkan positif di-bolehkan mengundi dan SPR akan mengumumkan peraturan yang perlu dipatuhi mereka yang dijangkiti.

Namun, katanya, calon yang positif sewaktu kempen sedang berjalan dinasihati untuk berada dalam isolasi untuk beberapa hari.

"Anda masih boleh berkempen secara dalam talian. Cadangan juga diberikan untuk petugas dan pengundi memakai pelitup muka ketika berada di pusat pengundian," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

MALAYSIA BERDEPAN GELOMBANG KECIL COVID-19

4 kes subvarian XBB dikesan

Putrajaya

Malaysia sedang berdepan gelombang kecil peningkatan kes Covid-19 susulan penemuan subvarian Omicron XBB di negara ini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, berdasarkan data harian, bilangan kes baharu Covid-19 meningkat sebanyak 16.5 peratus iaitu dari 14,525 kes pada Minggu Epidemiologi (ME) 42 kepada 16,917 kes pada ME 43 (23 Oktober hingga 29 Oktober).

Khairy berkata, jumlah dimasukkan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan (hospital awam) bagi setiap 100,000 penduduk juga menunjukkan peningkatan sebanyak 14.3 peratus pada ME 43 berbanding ME 42.

"Kita mengesyaki yang mendorong trend kenaikan ini ialah subvarian XBB yang



KHAIRY (kiri) menyerahkan sumbangan ubat-ubatan bagi kerajaan Malaysia kepada Sri Lanka yang diwakili Pesuruhjaya Tingginya ke Malaysia, Panglima Udara Marshal Sumangala Dias di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.



Kita mengesyaki yang mendorong trend kenaikan ini ialah subvarian XBB yang jadi punca gelombang di Singapura yang ambil masa tiga hingga empat minggu untuk menurun"

Khairy Jamaluddin

jadi punca gelombang di Singapura yang ambil masa tiga hingga empat minggu untuk menurun.

"Barangkali kita juga berdepan dengan jangkitan varian XBB dengan empat kes dikesan sehingga 27 Oktober lalu," katanya pada sidang media di sini semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

BERTARUNG NYAWA AKIBAT VAPE

Rasa seksa tidak terungkap

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin dan
Izzati Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pendedahan 'Harian Metro' ramai belia bertarung nyawa di hospital kesan pengambilan vape terus mendapat reaksi beberapa lagi mangsa yang muncul berkongsi defik antara hidup dan mati.

Seorang penghisap vape, Awaluddin Alias, 28, memaklumkan dia dimasukkan ke hospital selepas mengalami paru-paru berair kesan pengambilan vape.

Dia mendedahkan mula menghisap rokok sejak di bangku sekolah sebelum bertukar kepada vape dan pod pakai buang (*disposable pod*).

"Tidak timbul istilah menghisap vape untuk mengurangkan ketagihan rokok kerana kedua-duanya ada 'fungsi' sama serta mengandungi nikotin.

"Namun malang tidak disangka apabila saya diserang demam panas, muntah dan hilang selera makan mendadak sekitar Jun lalu," katanya yang berasal dari Sabah.

Menurutnya, dia ditahan di wad Hospital Tawau sebelum pemeriksaan doktor mengesahkan paru-parunya dipenuhi air.

"Ketika itu saya takut bila mengetahui bahagian paru-paru perlu ditebuk bagi mengeluarkan air. Namun doktor memberi pilihan dengan menyucuk jarum bagi membolehkan cecair pada paru-paru dikeluarkan sedikit demi sedikit.

"Sakitnya tidak boleh di-



LAPORAN Metro Ahad, kelmarin



LAPORAN Harian Metro, semalam

ungkap dengan kata-kata. Rasa derita dan seksanya hanya Tuhan yang tahu apatah lagi ketika batuk," katanya yang dirawat di hospital selama 10 hari.

Menurutnya, kejadian dialami memuatkan dia insaf dan meninggalkan tabiat menghisap vape.

"Saya menasihati orang ramai terutama golongan belia dan remaja supaya berhenti menghisap rokok atau menggunakan vape dan pod pakai buang," katanya.

Sebelum ini seorang remaja lelaki turut dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi



Ketika itu saya takut bila mengetahui bahagian paru-paru perlu ditebuk bagi mengeluarkan air. Namun doktor memberi pilihan dengan menyucuk jarum bagi membolehkan cecair pada paru-paru dikeluarkan sedikit demi sedikit"

Awaluddin

(ICU) Hospital Nukleus Labuan dan menerima rawatan susulan kerosakan bahagian dalaman paru-paru akibat menghisap vape.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, diagnosis menyeluruh dilakukan terhadap remaja berusia 17 tahun itu mendapati pesakit terbabit mengalami beberapa kerosakan bahagian dalam paru-paru di samping simptom rhabdomyolisis dan kegagalan buah pinggang.

"Siasatan mendapati remaja itu menghisap vape dua minggu sebelum dimasukkan ke ICU," katanya.

Ahad lalu Harian Metro mendedahkan penderitaan dialami pemuda dikenali sebagai Shah, 23, yang terpaksa ditebuk pada bahagian paru-paru bagi menyelamatkan nyawanya kesan menghisap vape.

Mangsa membuat pembedahan paru-paru di sebuah hospital swasta selepas demam hampir 10 hari dan sukar bernafas dengan sempurna.

Menurutnya, melalui pemeriksaan doktor, lebih dua pertiga paru-parunya di bahagian kanan dipenuhi cecair.



AWALUDDIN diserang demam panas, muntah dan hilang selera makan mendadak sekitar Jun lalu sebelum ditahan diwad Hospital Tawau.

Kuala Lumpur

Penggunaan e-rokok atau vape tidak mempercepatkan penurunan kelaziman merokok sebaliknya sebahagian besar penghisap e-rokok adalah dwi pengguna dan bukannya berhenti merokok.

Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok, Kluster Perubatan dan Kesihatan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Mohamed Haniki Nik Mohamed berkata, lebih menakutkan apabila pengguna rokok elektronik atau vape

Kebanyakan tukar jadi dwi pengguna

berisiko mengalami kecederaan paru-paru *E-cigarette Or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI)* selain kecacatan kekal pernafasan dan kematian.

Menurutnya, terdapat trend membimbangkan berkaitan peningkatan pengambilan e-rokok atau rokok elektronik dan ketagihan

nikotin, terutamanya dalam kalangan belia.

"Cadangan Dasar Generasi Penamat (GEG) dan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 adalah langkah tepat bagi memastikan nasib generasi muda negara tidak punah akibat rokok atau vape.

"Oleh kerana pencegahan sentiasa lebih baik daripada mengubati, dasar cemerlang ini akan meningkatkan usaha Malaysia untuk mena-

ngani masalah tembakau dengan lebih berkesan.

"GEG Malaysia adalah cadangan dasar yang wajar untuk melindungi belia daripada ketagihan sepanjang hayat dan penyakit kronik, yang juga akan meraih faedah sosial dan ekonomi dalam jangka masa panjang," katanya.

Dianggarkan terdapat 1.1 juta pengguna rokok elektronik atau vape di Malaysia ketika ini dan bilangannya terus meningkat.



Pencegahan sentiasa lebih baik daripada mengubati, dasar cemerlang ini akan meningkatkan usaha Malaysia untuk menangani masalah tembakau dengan lebih berkesan"

Mohamed Haniki



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Kes positif baharu Covid-19 yang dilaporkan di negara ini kembali menurun ke bawah angka 3,000 apabila sebanyak 2,491 kes direkodkan kelmarin membabitkan kesemuanya penularan tempatan.

Itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 yang dilaporkan sejak Januari 2020 hingga kini mencecah angka 4,735,929.

Pada masa sama, sebanyak 3,715 kes sembuh dilaporkan setakat kelmarin, sekali gus menyumbang kepada 4,703,299 keseluruhan kes pulih sepenuhnya.

Lima kes kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan satu daripadanya membabitkan

Kes baharu kembali turun bawah 3,000

3,715

Jumlah kes sembuh yang dilaporkan setakat kelmarin

kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Dua kes kematian itu dilaporkan masing-masing di Selangor dan Kuala Lumpur manakala satu kes BID direkodkan di Sarawak.

Sebanyak 34,508 kes aktif dilaporkan dengan 33,090 kes menjalani isolasi di rumah manakala seramai 1,324 pesakit Covid-19 dirawat di hospital ketika ini manakala 22 lagi menjalani rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Selain itu, seramai 72 pesakit Covid-19 ditempatkan di Unit Rawatan Rapi dengan 49 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Waspada gelombang kecil Omicron XBB

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) memberi peringatan kepada orang ramai untuk terus berwaspada susulan negara sedang berdepan gelombang kecil membabitkan sub-varian Omicron XBB.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, empat kes XBB tersebut membabitkan tiga individu lelaki dan seorang wanita berusia 25 hingga 51 tahun dari Selangor dan Negeri Sembilan.

Ujarnya, semua kes tersebut merupakan kategori dua membabitkan warga tempatan yang dikesan positif Covid-19 melalui survelan penjujukan genom.

"Dalam erti kata lain, (negara) sedang berdepan dengan gelombang kecil, tak pasti sama ada gelombang kecil ini akan menjadi gelombang besar, itu bergantung kepada tindakan komuniti dalam tempoh masa seminggu dua ini.

"Namun dari segi kesan atau keseriusan, kita dapati buat masa ini tidaklah menunjukkan sesuatu yang membimbangkan cuma KKM mengambil maklum mengenai trend yang sedang meningkat ini," katanya pada

sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Katanya, KKM memaklumkan orang ramai agar berhati-hati dan berwaspada lebih-lebih lagi semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

"Pada Minggu Epidemiologi (ME) 43/2022 bermula 23 Oktober sehingga kelmarin, bilangan kes baharu Covid-19 meningkat sebanyak 16.5 peratus iaitu dari 14,525 kes (ME 42/2022) kepada 16,917 kes.

"Gelombang jangkitan, bilangan kes akan pasang surut, beberapa minggu akan datang mungkin akan meningkat malangnya 'timing' serentak dengan PRU15 sebab itu saya buat keputusan nasihatkan orang ramai mengenai trend kes yang makin meningkat," jelasnya.

Katanya, pemakaian pelitup muka pula adalah tidak wajib, ia secara sukarela tapi amat digalakkan untuk dipakai.

"Saya sangat mengesyorkan pemakaian pelitup muka di kawasan tertutup terutama mereka yang berusia 50 tahun dan ke atas, mempunyai masalah penyakit kronik atau pun masalah sistem imun," ujarnya.



KHAIRY JAMALUDDIN menyerahkan sumbangan kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka, **TYT Panglima Udara Marshal Sumangala Dias** (kanan) di Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Malaysia berdepan gelombang Omicron XBB

Dijangka meningkatkan kes Covid-19 dalam beberapa minggu akan datang

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi amaran bahawa Malaysia sedang berdepan dengan gelombang kecil Covid-19 varian Omicron XBB.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, gelombang itu dijangka menyebabkan negara merekodkan peningkatan kes dalam beberapa minggu akan datang.

"Sama ada ia menjadi gelombang besar, ia bergantung kepada tingkah laku dan tindakan komuniti," katanya pada sidang akhbar Covid-19 di Kementerian itu pada Isnin.

Menurutnya, data harian menunjukkan bilangan kes baharu Covid-19 meningkat sebanyak 16.5 peratus iaitu dari 14,525 kes pada minggu epidemiologi (ME) 42 kepada 16,917 kes pada ME 43 (23 hingga 29 Oktober).

"Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk juga menunjukkan peningkatan sebanyak 14.3 peratus pada ME 43 berbanding ME 42," katanya.

Tambah beliau, Kementerian berpendapatan bahawa trend tersebut didorong oleh jangkitan



Khairy Jamaluddin pada sidang media mengumumkan situasi semasa Covid-19 di Kementerian Kesihatan pada Isnin.

varian Omicron XBB yang menjadi gelombang di Singapura, baru-baru ini.

"Ia berdasarkan pintu sempadan terbuka dengan Singapura dan pergerakan rakyat kedua-dua negara.

"Saya anggap Malaysia dan Singapura merupakan satu zon epidemiologi sama," katanya.

Khairy memberitahu, penjujukan genom yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mendapati terdapat empat kes Omicron XBB dikesan di Selangor dan Negeri Sembilan.

"Kesemua kes adalah membabitkan rakyat tempatan berusia 25 hingga 51 tahun dan satu daripada empat kes Omicron XBB itu merupakan jangkitan semula.

"Kesemua mereka telah menjalani isolasi selama seminggu dan kontak rapat telah dikenalpasti," jelasnya.

Beliau berkata, meskipun KKM gelombang Omicron XBB, namun ianya terkawal.

"Keseriusan gejala Omicron XBB tidaklah menunjukkan sesuatu yang membimbangkan," katanya.

Bagaimanapun, menurut Khairy, Kementerian amat menyarankan rakyat mengamalkan pemakaian pelitup muka di kawasan tertutup dan sesak terutamanya individu berisiko tinggi dan masalah imunisasi.

"Inilah yang dimaksudkan hidup dengan Covid-19, tiada lagi paksaan tetapi amat digalakkan," katanya.

Beliau berkata, KKM turut mengesyorkan agar parti-parti

politik mengambil langkah selamat semasa menjalankan kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

"Kalau melibatkan ziarah pesakit terlanjur, tunjukkan teladan baik dengan memakai pelitup muka.

Parti-parti politik juga digalakkan membuat pengumuman menggalakkan orang ramai memakai pelitup muka sewaktu kempen di kawasan tertutup," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, pihaknya telah menghantar syor kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam memastikan proses pengundian dapat dijalankan dengan selamat.

"Perkara berkenaan akan diumumkan oleh SPR," kata beliau. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

Waspada gelombang kecil Covid-19

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai untuk terus berwaspada susulan negara ketika ini sedang berdepan dengan gelombang kecil Covid-19 membabitkan sub-varian Omicron XBB Ketika ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, empat kes XBB tersebut terdiri daripada tiga individu lelaki dan seorang wanita yang berusia lingkungan 25 hingga 51 tahun dari Selangor dan Negeri Sembilan.

Menurut beliau, semua kes tersebut merupakan kategori dua membabitkan warga tempatan yang dikesan positif Covid-19 melalui survelan penjujukan genom.

"Dalam erti kata lain, (negara) sedang berdepan dengan gelombang kecil, tak pasti sama ada gelombang kecil ini akan menjadi gelombang besar, itu bergantung kepada tindakan komuniti dalam tempoh masa seminggu dua ini.

"Tetapi dari segi kesan atau



KHAIRY Jamaluddin bercakap dalam sidang akhbar situasi semasa Covid-19 di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

keseriusan, kita dapati buat masa ini tidaklah menunjukkan sesuatu yang membimbangkan

cuma KKM mengambil maklum mengenai trend yang sedang meningkat ini.

"Kita ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya dapat berhati-hati dan berwaspada lebih-lebih lagi kita akan masuk ke dalam peringkat kempen bagi PRU-15 (Pilihan Raya Umum Ke-15) dan ini akan melibatkan banyak majlis dihadiri orang ramai dan melibatkan banyak pergaulan dengan masyarakat setempat," katanya menerusi sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Jelas Khairy, pada Minggu Epidemiologi (ME) 43/2022 bermula 23 Oktober hingga kelmarin, bilangan kes baharu Covid-19 meningkat sebanyak 16.5 peratus iaitu dari 14,525 kes (ME 42/2022) kepada 16,917 kes.

Beliau mengingatkan negara ketika ini sedang dalam peralihan ke endemik dan gelombang jangkitan Covid-19 pada masa akan datang berkemungkinan akan meningkat atau sebaliknya.

"Gelombang jangkitan, bilangan kes akan pasang surut, beberapa minggu akan datang mungkin akan meningkat malangnya masanya serentak den-

gan PRU-15 sebab itu lah saya buat keputusan beri nasihat dari KKM kepada orang ramai mengenai trend kes yang semakin meningkat.

"Pemakaian pelitup muka pula adalah tidak wajib, ia secara sukarela tapi amat digalakkan untuk pakai di kawasan tertutup atau sesak.

"Saya sangat mengesyorkan untuk memakai pelitup muka di kawasan tertutup terutama bagi mereka yang berusia 50 tahun dan ke atas, mempunyai masalah penyakit kronik atau pun masalah sistem imun," ujarnya.

Katanya, Singapura juga turut mengalami gelombang sub-varian XBB dan mengambil masa di antara tiga hingga empat minggu untuk menurunkan bilangan kes tersebut.

"Kita berpandangan bahawa trend ini masih lagi didorong oleh jangkitan daripada varian Omicron dan mengesyaki kenaikan kes ini adalah daripada sub-varian XBB yang telah menjadi punca kepada gelombang di Singapura baru-baru ini.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

4 XBB CASES

Khairy: We're experiencing a small Covid-19 wave

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has detected a small Covid-19 wave in the country following an increase in new cases during Epidemiology Week 43 (EW 43).

Caretaker Health Minister Khairy Jamaluddin yesterday urged people to take preventive measures as there was an increase of 16.5 per cent in new cases.

"The numbers rose from 14,525 infections in EW42 to 16,917 in EW 43.

"Nonetheless, those admitted to hospitals are experiencing only mild symptoms.

"Although the hospital admis-

sion rate increased to 14 per cent, non-critical bed usage and Intensive Care Unit went up by only two per cent.

"In other words, we (the ministry) are facing a small wave. We are determining if it will become more serious.

"Currently, its severity is not causing concern."

He said the suspected sub-variant, XBB, next to Omicron, had caused the increase.

He added that XBB had been the main factor in Singapore experiencing a Covid wave, which took three to four weeks to subside.

"In Malaysia, four local cases linked to the XBB strain were detected from the genome sequencing surveillance.

"They are all Malaysians, comprising three males and one female, aged between 25 and 51 from Negri Sembilan and Selangor."

He said Malaysia was still transitioning into endemicity.

In addition to the 15th General Election campaign week, social activities would be more appar-



Khairy Jamaluddin

ent, he added.

"Covid-19 waves can come and go, resulting in new cases spiking or dropping as what we are experiencing now. The wave coincidentally has come in the election season.

"It (adopting preventive measures) is voluntary, but the ministry highly recommends that ev-

eryone wears face masks in closed and crowded areas, especially the elderly, people with

chronic diseases or having issues with their immune system."

He encouraged front-line staff, including Election Commission staff who will be on duty during GE15, to take the second vaccine booster dose.

He said Malaysia had ordered a new type of vaccine, Bivalent from Pfizer, which will arrive this month.

At a separate event, Khairy presented Malaysia's contribution, in the form of medical aid worth RM288,610, to Sri Lanka, represented by Sri Lankan High Commissioner to Malaysia, Air Chief Marshal (Rtd) Sumangala Dias.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Covid-19 SOP for both candidates and voters

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Candidates in the 15th General Election (GE15) who contract Covid-19 during the campaign period must isolate, but they will be able to cast their votes on polling day even if they test positive for the disease, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"Candidates who are positive for Covid-19 are allowed to vote. Any voters who are similarly positive are also allowed to vote."

"The Election Commission (EC) will announce the rules for those who are positive."

"This is for voting, because that is their constitutional right," Khairy told a press conference here yesterday.

However, he said if a candidate was positive for Covid-19, they would have to isolate for a few days and campaign online instead.

"That is the responsible thing to do," he reiterated.

He said it would take a person with Covid-19 about three to four



Khairy: Candidates and voters who are positive for Covid-19 are allowed to vote but there will be rules set by the Election Commission to follow.
— AZMAN GHANI/The Star

days to recover.

"Nowadays, that is more or less the recovery time," he added.

Khairy also reminded political

parties and candidates to set a good example by wearing a face mask when they go to confined spaces, especially at places where

there would be senior citizens or when they go door-to-door canvassing for votes.

"When we have ceramah in halls that are crowded, political parties are encouraged to make announcements requiring attendees to wear face masks," he said, adding that this was among the precautionary measures that had to be taken.

He said the Health Ministry had already given its recommendations on the polling day standard operating procedure (SOP) to the EC.

Khairy said in view of the rising cases, the ministry highly recommended the use of face masks especially in crowded and confined spaces, for those aged above 50 and those with pre-existing health conditions.

"The use of face masks is highly encouraged especially during elections where there are election programmes and political ceramah which involve a lot of people, in enclosed and confined spaces," he said.

He added that wearing mask was highly recommended too for any-

one going to polling centres, including election workers who are on duty and those who have Covid-19.

He said according to his ministry's case load projection, daily Covid-19 cases could range between 3,000 and 5,000 after GE15.

"We can have the best prediction models but if we behave in a careful manner, then I believe we can bring the number down quicker."

"But if we are not cautious, then the cases will rise to what we have predicted," he said.

Malaysians are set to vote on Nov 19.

Malaysia recorded 3,129 new Covid-19 cases on Oct 30, which brings the total number of cases in the country to 4,900,051 infections since the pandemic began.

The Health Ministry's KKMNow portal reported that 3,123 of the new Covid-19 cases on Oct 30 were local transmissions while six imported infections were logged.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Khairy: **XBB** variant behind uptrend in Covid cases

► Data shows number of new cases up by 16.5% to 16,917 between Oct 23 and 29

PUTRAJAYA: Malaysia is currently experiencing a small wave of Covid-19 cases following the discovery of the Omicron XBB sub-variant in the country, said caretaker health minister Khairy Jamaluddin.

He said based on daily data, the number of new Covid-19 cases has increased by 16.5%, from 14,525 cases in Epidemiological Week (EW) 42 (Oct 16 to 22) to 16,917 cases in EW43 (Oct 23 to 29).

Khairy said the number of admissions of Covid-19 patients to public hospitals per 100,000 population also showed an increase of 14.3% in EW43 compared with EW42, Bernama reported.

"We suspect that the XBB sub-variant is behind this upward trend which is also the cause of the wave in Singapore which has taken three to four weeks to decrease.

"Perhaps, we are facing an XBB variant infection with four cases detected as of Oct 27," he said at a press conference yesterday.

Commenting on the four XBB sub-variant cases, Khairy said they involved three men and one woman, aged 25 to 51, from Selangor and Negri Sembilan.

He said all four cases tested positive for Covid-19 through genome sequencing surveillance, all of them were in Category Two -

where they experienced mild symptoms of fever, cough, sore throat and flu.

He added that of the four cases, only one case involved a reinfection and all of them had been isolated for seven days, while all close contacts had also been identified.

Khairy reminded the public to be vigilant, especially now when the 15th general election (GE15) campaign period is about to start and there will be many events hosted and attended by the local community.

"Given the increase in Covid-19 cases, the Health Ministry has

decided to remind the public that we are still in the transition to endemic phase and that waves of infection will come and go.

"Unfortunately, the timing of the current increase in cases coincides with GE15, which is why the MoH is advising the public, especially on the use of face masks.

"It is not mandatory, but now it is highly recommended, especially in crowded closed areas and for high-risk individuals."

Khairy also encouraged frontline staff, including Election Commission (EC) employees who will be on duty during GE15, to take

a second Covid-19 booster dose.

In the meantime, Khairy said Malaysia has ordered a new type of vaccine, *Bivalent* from Pfizer, which will arrive in November.

"There is no additional procurement, this is an existing procurement.

"We have changed our order from the old vaccine to the new vaccine, which will arrive in November."

In a separate event, Khairy presented medical aid worth RM288,610 to the Sri Lankan High Commissioner to Malaysia, Air Chief Marshal Sumangala Dias.



Khairy presenting Malaysia's contribution to Sri Lanka, medical aid worth RM288,610, to the Sri Lankan High Commissioner to Malaysia, Air Chief Marshal Sumangala Dias at an event in Putrajaya yesterday. -BERNAMAPIC